

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2003/2004**

**September/Oktober 2003**

**RMK 356 – Pengurusan Binaan & Kewangan**

**Masa: 3 jam**

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan. **Soalan 1 dan 2** adalah **WAJIB** dan jawab **DUA** soalan yang lain.

1. Berikut adalah butir-butir kewangan pada 31 Jun 2003 yang tercatat dalam buku catatan pemilik Syarikat KB Bina sejak memulakan perniagaannya 1 Januari 2003.

(a)	Modal Perniagaan	– RM25,000.00
(b)	Bayaran untuk dokumen tender	– RM100.00
(c)	Bayar Sewa pejabat (untuk setahun)	– RM1,200.00
(d)	Kos Insuran-Insuran dan bon	– RM130.00
(e)	Kos menyediakan pagar, stor dan kabin pekerja	– RM4,500.00
(f)	Kos kerja cerucuk dan kerja sub-struktur	– RM15,000.00
(g)	Terima bayaran kemajuan dari JKR	– RM23,000.00
(h)	Kos kerja dinding dan tiang	– RM10,000.00
(i)	Kos pemasangan pintu dan tingkap	– RM5,000.00
(j)	Terima bayaran kemajuan dari JKR	– RM17,000.00

Saudara yang baru saja dilantik sebagai Pengurus telah diminta untuk menyediakan Kunci-Kira-Kira dan Penyata Pendapatan. Sediakan penyata-penyata tersebut termasuk catatan lejar dan jurnal.

(30 markah)

2. Penyelidikan-penyselidikan yang dijalankan menunjukkan kegagalan dalam perniagaan mempunyai kaitan yang signifikan dengan masalah modal kerja. Beri huraihan anda tentang perkara-perkara berikut:

- (a) Apakah Modal Kerja?
- (b) Mengapakah ia begitu penting kepada sesebuah perniagaan?
- (c) Apakah prinsip-prinsip asas yang boleh dijadikan panduan dalam menguruskan Modal Kerja supaya risiko kegagalan dapat dikurangkan?

(30 markah)

3. Pihak pengurusan dikatakan perlu membuat 3 keputusan berikut dalam konteks menguruskan kewangan sesebuah organisasi perniagaan.

- (a) Keputusan Pembiayaan.
- (b) Keputusan Pelaburan.
- (c) Keputusan Dividen.

Beri penjelasan tentang ketiga-tiga fungsi tersebut dengan memberikan contoh-contoh yang relevan.

(20 markah)

4. Dalam perspektif Belanjawan Modal anda telah maklum bahawa terdapat 3 pilihan dalam pelaburan atau penggunaan Aset Jangka Panjang. Aset berkenaan boleh di BELI , di SEWA atau di SEWAPAJAK. Apakah faktor yang akan anda pertimbangkan dalam membuat keputusan tersebut?

(20 markah)

5. Jelaskan 4 dari yang berikut

- (a) Analisis Intra-Firma.
- (b) Sewapajak.
- (c) Faktoran Akaun Belum Terima.
- (d) Pembiayaan Melalui Inventori.
- (e) Paten dan Hakcipta.
- (f) Aset Semasa Tetap.
- (g) Nisbah Ujian Asid.

(20 markah)

6. Kesukaran mendapatkan pinjaman merupakan salah satu masalah kritikal bagi sebahagian besar peniaga. Masalah ini tidak terkecuali untuk kontraktor binaan yang rata-rata mempunyai modal pusingan yang kecil. Jelaskan apakah pelbagai sumber pembiayaan lain yang boleh didapati selain dari pinjaman. Pada pandangan anda, masihkah pembiayaan melalui pinjaman diperlukan?

(20 markah)

-oooo0ooo-